

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA**  
**[TENGGARA]**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 20**

**Y.B. DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [ TENGGARA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah Kerajaan sekarang agar ekonomi negara dapat diurus dengan baik dan meningkatkan kadar KDNK negara kepada yang lebih tinggi, stabil dan mantap serta apakah sumbangan rakyat dari sektor awam serta swasta terhadap gesaan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan dengan mencatat pertumbuhan 4.6% dalam tempoh 9 bulan pertama 2019, meskipun dalam persekitaran ekonomi global yang semakin mencabar berikutan konflik perdagangan yang berpanjangan, ketegangan geopolitik serta volatiliti dalam pasaran komoditi dan kewangan global. Asas ekonomi yang mapan termasuk kadar pengangguran serta inflasi yang rendah, rizab antarabangsa yang tinggi, dan sistem kewangan yang kukuh. Diversifikasi perdagangan yang luas dari segi destinasi dan produk turut membantu meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Belanjawan 2020 telah mengumumkan pelbagai inisiatif dan strategi untuk merangsang pelaburan dan perbelanjaan domestik. Inisiatif ini termasuk:

- menyediakan persekitaran kondusif bagi menarik pelaburan asing dan domestik;
- meningkatkan peluang pekerjaan seperti melalui program #MalaysiaKerja dengan kos RM6.5 bilion untuk 5 tahun;
- memodenkan pasaran buruh;
- menambah baik kualiti pendidikan dan latihan; dan
- meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan ekonomi masa hadapan seperti dengan Pelan Gantian Optik Dan Kesalinghubungan Negara dengan pelaburan bernilai RM21.6 bilion dari tahun 2019 sehingga 2023.

Di samping itu, Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pembaharuan institusi dan amalan tadbir urus baik dalam pengurusan dasar fiskal

## **NO SOALAN : 20**

berdasarkan prinsip Kecekapan, Akauntabiliti dan Ketelusan bagi memperkukuh kewangan awam. Tindakan ini termasuk menambah baik proses belanjawan berasaskan sifar serta memperkemas proses tender terbuka.

Pembaharuan institusi ini telah pun menjadikan Malaysia antara negara yang mengalami peningkatan markah yang terbesar di kalangan 214 ekonomi menurut *Worldwide Governance Indicators* (WGI) yang terbaharu yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada Oktober 2019. Pencapaian ini akan membantu Kerajaan mengekalkan penarafan kredit berdaulat Malaysia pada paras A3 atau A- dengan unjuran stabil.

Kesemua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan ini merupakan asas yang penting untuk menjayakan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 iaitu peningkatan taraf hidup rakyat dan perpaduan dalam kepelbagaian bangsa dan budaya seiring dengan peningkatan pertumbuhan ekonomi negara. Justeru, rakyat perlu bersama-sama menghayati dan menggembelng tenaga demi menjayakan aspirasi yang digariskan dalam Wawasan ini.